

KERAJAAN NEGERI KELANTAN KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL 3/97

PERWAKILAN KUASA KEPADA PENTADBIR TANAH UNTUK MELULUS DAN MEMBENARKAN LESEN MENDUDUKI SEMENTARA TANAH-TANAH KERAJAAN DALAM KAWASAN BANDAR

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir-pentadbir Tanah bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas Bil. 3/84/97(7) di dalam sidangnya pada 15 Januari 1997 telah membuat keputusan bersetuju untuk mewakilkan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk melulus dan membenarkan Lesen Menduduki Sementara tanah-tanah Kerajaan di dalam kawasan bandar bagi tujuan kegunaan segera dan bagi jangka masa singkat seperti untuk pameran perniagaan, pertunjukan-pertunjukan, sarkas, promosi jualan barang-barang dan lain-lain lagi. Kelulusan bagi menyewa tanah kerajaan dalam bandar tidak dapat diberikan segera kerana prosedur dan kuasa melulus yang sedia ada.

2. Bagi mempercepatkan proses pengeluaran Lesen Menduduki Sementara (TOL) kuasa melulus Lesen Menduduki Sementara (TOL) bagi tanah bandar tidak melebihi 1.6 ha adalah diberikan kepada Pentadbir Tanah sebagaimana tanah desa juga.
3. Permohonan bagi menimbangkan permohonan ini tidak perlu diangkat untuk perakuan Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan. Walau bagaimanapun Pentadbir Tanah hendaklah merujuk kepada salah seorang atau beberapa orang ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah yang berkenaan untuk perundingan.

4. Kuasa melulus dalam para 2 dan pengecualian daripada perakuan Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan di para 3 hanya perlu diberi bagi kes-kes permohonan Lesen Menduduki Sementara tanah kerajaan dalam bandar bagi tempoh lesen tidak melebihi **tiga bulan sahaja**.
5. Pengecualian daripada perakuan Jawatan Kuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan juga perlu diberi bagi permohonan Lesen Menduduki Sementara bagi tanah desa untuk tempoh lesen tidak melebihi tiga bulan.
6. Perwakilan kuasa ini telah disiarkan di dalam Warta Kerajaan Kelantan Kn. P.U.7 bertarikh 10.4.97 sebagaimana berikut:

Pegawai	Peruntukan – Peruntukan	Syarat-Syarat dan Sekatan - Sekatan
Pentadbir Tanah	Seksyen 42 Kanun Tanah Negara No.56 Tahun 1965	Kuasa meluluskan permohonan bagi Lesen Menduduki Sementara (TOL) bagi tanah bandar menurut Seksyen-Seksyen 65, 66, dan 67 Kanun Tanah Negara 1965 yang tidak melebihi 1.600 hektar untuk tempoh tidak melebihi tiga bulan

t.t

(Haji Nik Aznan Shah bin Dato' Nik Abdullah)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. Y.A.B. Dato' Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. Y.B. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. Y.Brs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. Y.Brs. Ketua Penolong Setiausaha (Kerajaan Tempatan),
Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan
9. Y.Brs. Setiausaha Majlis Daerah Negeri Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, TINGKAT BAWAH, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.
FAIL : P.T.G. KN. 1163/Jld.2 (104)
BERTARIKH : 13 Safar 1418
19 JUN 1997**